

From: Saliza Saari/PER/OED/MPC
To: Khidzir Ahmad/NC/PCD/MPC@MPC
Cc: Mahadi Hasbullah/PCT/MSF/MPC@MPC, Mohamad Azrol Mohamad Dali/GRP/NC/PCD/MPC@MPC, Suhaimi Hamad/PG/PCD/MPC@MPC, Wan Fazlin Nadia Wan Osman/NC/PCD/MPC@MPC, Mohd Yazid Abdul Majid/MSF/MPC@MPC

Date: Thursday, February 25, 2021 04:48PM
Subject: Re: Memohon Sokongan dan Kelulusan untuk Menggunapakai Perkhidmatan Rapporteur daripada Pembekal Welingtons Resources untuk tujuan Mesyuarat DCP pada 26 Februari 2021

Waalikmussalam.

Merujuk kepada maklumat dibawah.

Saya menyokong permohonan yang dibuat untuk penggunaan pembekal bagi melaksanakan Workshop DCP.

Justifikasi :

1. Pemilihan pembekal perlu melihat dari segi kepakaran yang diperlukan. PIC perlu menyatakan kepakaran dengan jelas untuk mempertimbangkan pembekal yang dinyatakan. Sila lampirkan kepakaran semasa pelantikan dibuat.
2. Penggiliran dibangunkan bagi membolehkan kesemua pembekal yang berdaftar berupaya memberikan perkhidmatan yang sama. Ianya juga dapat memberikan penilaian yang lebih signifikan daripada beberapa pembekal yang berbeza. Bagi program akan datang, penggunaan penggiliran amat digalakkan.
3. Pembekal telah dilantik untuk perkhidmatan yang sama adalah pada 19 Februari. PIC perlu memastikan segala 'deliverables' yang perlu dibuat pada program tersebut dapat diselesaikan sebelum menerima tugas baharu.

Harap maklum dan terima kasih

Saliza bt. Saari
Director
Malaysia Productivity Corporation (MPC)
Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya,
Selangor
T : 03-79557266 F : 03-79551824
HP : 0122585046
Facebook : MPC Wilayah Tengah

▼ Khidzir Ahmad---25/02/2021 02:26:00 PM---Assalamualaikum Pengerusi JPPK Tn Hj Suhaimi dan Pn Saliza Adalah dengan segala hormatnya saya meruj

From: Khidzir Ahmad/NC/PCD/MPC
To: Suhaimi Hamad/PG/PCD/MPC@MPC, Saliza Saari/PER/OED/MPC@MPC
Cc: Wan Fazlin Nadia Wan Osman/NC/PCD/MPC@MPC, Mohamad Azrol Mohamad

Dali/GRP/NC/PCD/MPC@MPC, Mahadi Hasbullah/PCT/MSF/MPC@MPC

Date: 25/02/2021 02:26 PM

Subject: Memohon Sokongan dan Kelulusan untuk Menggunakan Perkhidmatan Rapporteur daripada Pembekal Welingtons Resources untuk tujuan Mesyuarat DCP pada 26 Februari 2021

Assalamualaikum Pengerusi JPPK Tn Hj Suhaimi dan Pn Saliza

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Untuk makluman pihak pengerusi, perkhidmatan sebagai rapporteur telah dicadang dan dimaklumkan kepada pihak pembekal selepas pihak sekretariat diberi mandat untuk melaksanakan mesyuarat bagi memantapkan pelan tindakan daripada Workshop DCP yg telah dilaksanakan pada awal bulan Februari. Pihak pembekal dari Welington Resources juga telah dimaklumkan dan bersetuju berdasarkan tarikh mesyuarat yang dicadangkan pada 26 Februari 2021. Pembekal telah dipilih berdasarkan kualiti kerja dan juga keupayaan beliau di dalam memahami isu sedia ada berkenaan DCP. Proses penghantaran eRO telah dibuat pada 23 Februari selepas menerima surat akuan terima dari pembekal.

Walaubagaimanapun, pihak sekretariat telah dihubungi PCT pada 25 Februari dan memaklumkan yang pembekal telah dilantik bagi perkhidmatan yang sama pada 19 Februari 2021. Berdasarkan sistem penggiliran yang sedang dipraktikkan, pihak PCT menasihati sekretariat untuk menukar kepada pembekal lain atau menyediakan memo dengan sokongan pengerusi JPPK bagi terus menggunakan perkhidmatan pembekal yang dicadangkan.

Memandangkan sesi mesyuarat yang akan dilaksanakan adalah esok 26 Februari, pihak sekretariat mendapati sukar untuk mendapatkan pembekal lain yang berupaya dan mempunyai pengetahuan yg baik di dalam topik DCP ini. Oleh itu, adalah dengan rasa hormat ingin memohon sokongan dan kelulusan daripada pihak pengerusi untuk menggunakan pembekal yang dicadangkan iaitu Welingtons Resources.

Kerjasama dan pertimbangan dari pihak pengerusi di atas perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Khidzir Ahmad
Smart Regulation
Productivity and Competitiveness Development
Malaysia Productivity Corporation (MPC)
Tel:03-79512444
Mob: +6012 664 1144
Fax :03-79581697

"..Golf is the closest game we call game of life. You get bad breaks from good shots, you get good break from bad shots - but you have to play the ball where it lies.."